

Headline	Tidak sabar mulakan projek ternak kambing
Date	20. Jun 2008
Media Title	Utusan Malaysia
Section	Supplement
Circulation	238082
Readership	833287
Language	MALAY
Page No	4
Article Size	639 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



DR. IBRAHIM Che Embong mengetip telinga anak kambing Boer sebagai simbolik perasmian Bengkel Usahawan Kambing Mega-Utusan di Sepang baru-baru ini sambil diperhatikan oleh pegawai PASB, Mohd. Huzaimi Razhi, Pengarah Urusan PASB, Datuk Razhi Yahaya dan Pengarang Mega, Mohd. Ridzwan Md. Iman.



PESERTA berpeluang merasai sendiri pengalaman bagaimana cara yang betul untuk menternak kambing ketika mengikuti Bengkel Usahawan Kambing di Sepang, baru-baru ini.

Tidak sabar mulakan projek ternak kambing

PESERTA bengkel usahawan kambing *Mega-Utusan* yakin mampu mengusahakan ladang ternakan dengan baik selepas mengikuti bengkel selama dua hari di Homestay Banghuris di Sepang, Selangor, baru-baru ini.

Mereka yang jelas tidak sabar untuk mengusahakan ternakan masing-masing berkata, bidang tersebut mempunyai potensi besar untuk berkembang dan menjanjikan pulangan lumayan.

Azi Azlin, 23, berkata, beliau bercadang membuka ladang ternakan kambing di Tanah Felda Cahaya Baru di Johor selepas menguasai teknik-teknik menternak haiwan itu.

"Saya sebelum ini menamatkan pengajian dalam bidang teknologi tumbuhan dan menaruh minat mendalam terhadap bidang pertanian.

"Saya yakin bengkel ini dapat membantu saya menjadi usahawan pertanian yang berjaya khususnya dalam menternak kambing," katanya kepada *Mega* baru-baru ini.

Bengkel usahawan *Mega-Utusan* dengan rakan strategiknya, Perfect Agro Sdn. Bhd. (PASB), Agro Bank dan Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Penajuan Profesional (APEEC), Universiti Putra Malaysia (UPM) itu diadakan selama dua hari.

Seorang lagi peserta, **Norhaniza Mohd. Noor**, 24, berkata, semangat untuk membina kerjaya sendiri mendorongnya menyertai bengkel kambing *Mega-Utusan* yang

Headline

Tidak sabar mulakan pro)ek ternak kambing

Date

20. Jun 2008

Media Title

Utusan Malaysia



julung-julung kali diadakan.

"Sebelum ini saya telah membuat kajian mengenai peluang dalam ternakan kambing di UPM, bengkel ini akan mengukuhkan pengetahuan saya mengenai ternakan ini," katanya.

R. Krishnan, 45, pula berkata, bengkel anjuran sisipan *Utusan Malaysia*, *Mega* tersebut menambahkan pengetahuannya mengenai kambing.

"Saya bekerja dalam bidang industri farmasi veterinar, bengkel ini dapat membantu dalam kerjaya dan membolehkan saya mengusahakan ladang sendiri satu hari nanti," katanya.

Siswazah dari Universiti Multimedia Melaka, Mohd. Hazmi Abdul Halim, 24, berkata, minat yang mendalam dalam pertanian mendorongnya menyertai bengkel usahawan kambing.

"Saya berharap dapat menternak kambing secara komersial," katanya.

Sementara itu Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Dr. Ibrahim Che Embong, berkata, bengkel tersebut merupakan usaha murni yang mampu menjana ekonomi diri sendiri dan ekonomi negara juga.

Ini kerana, kerajaan berhasrat mengurangkan import dan meningkatkan pengeluaran bahan makanan berdasarkan ternakan negara khususnya daging lembu dan kambing untuk kegunaan domestik.

Keperluan

Pada masa ini, Malaysia masih terpaksa bergantung kepada import dalam memenuhi keperluan daging negara.

"Kita telah pun meletakkan sasaran pengeluaran daging lembu kepada 28 peratus dan kambing 21 menjelang 2010.

"Hingga kini, kadar sara diri (SSL) daging lembu negara telah berjaya mencapai 23 peratus, manakala



MOHD. HAZMI
ABDUL HALIM



AZI AZLIN



R. KRISHNAN

kambing sembilan peratus," katanya.

Pusat Pembibitan Kambing Boer Nasional (NBBC)

● Kerajaan telah menuahkan Pusat Pembibitan Boer Nasional (NBBC) bertujuan

● Menyediakan pelan rangkaian pengeluaran dan pemasaran yang bersistematis dalam kuantiti yang mega dalam negara.

● Kerajaan telah mengenalpasti kawasan dan projek ini di Pondok Tanjung, Perak untuk menjadi suatu pusat pengeluaran.

● Malaysia menyasarkan populasi asas ternakan kambing di Malaysia sehingga mencapai populasi lebih kurang 1.1 juta ekor induk kambing negara di bawah Dasar Kambing Negara.